



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,259 kes** (349,039 kes kumulatif, 94.9%);
- Kes baharu : **2,148 kes** (367,977 kes kumulatif);
- Kes import : **19 kes** (6 warganegara, 13 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,129 kes** [1,791 warganegara (84.1%); 338 bukan warganegara (15.9%)];
- Kes aktif : **17,575 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **212 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **82 kes**; dan
- Kes kematian : **10 kes** (1,363 kes kumulatif, 0.37%; 9 warganegara, 1 bukan warganegara).

Pada hari ini, Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **512 kes (23.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **420 kes (82.0 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **459 kes (21.4 peratus)** dan Kelantan sebanyak **221 kes (10.3 peratus)**.

Sebanyak **57 kes (2.7 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas (45 kes) dan Kluster Penjara Jalan Harapan (12 kes).

Terdapat 10 kes kematian pada hari ini yang melibatkan masing-masing tiga (3) kes di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) kes di Sarawak, dan masing-masing satu (1) kes di Johor dan Sabah. Sebanyak sembilan (9) kes melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 15 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,500 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,154 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Kampung Padang Tembak, Kluster Sungai Puloh, Kluster Jalan Laksamana, Kluster Kuala Punteh, Kluster Bukit Petiti, Kluster Hulu Jerocco, Kluster Tapak Bina Jalan Vista, Kluster Kiba, Kluster Bukit Tunggal, dan Kluster Jasmine Empat**);
- Jumlah kluster aktif : **346 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **73 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Kempas Satu (81 kes), Kluster Abak Bon (77 kes), dan Kluster Telok Mas (45 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **15 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan sembilan (9) kluster tempat kerja dan enam (6) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Kampung Bunut Sarang Burung	Kelantan	Tempat Kerja
2	Kampung Domis	Kelantan	Tempat Kerja
3	Kampung Labok	Kelantan	Tempat Kerja
4	Kok Lanas	Kelantan	Tempat Kerja
5	Jaya Setia	Selangor	Tempat Kerja
6	Perabot Olak Lempit	Selangor	Tempat Kerja
7	Lorong Megah Jaya	Sabah	Tempat Kerja
8	Jalan Labuk Tiga	Sabah	Tempat Kerja
9	Jalan Radin	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10	Biah Skim	Sabah	Komuniti
11	Melangkap Tomis	Sabah	Komuniti
12	Kampung Bechah Semak	Kelantan	Komuniti
13	Jalan Cempaka Putih	Johor	Komuniti
14	Taman Rakyat	Terengganu	Komuniti
15	Kampung Pokok Machang	Kedah	Komuniti

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI KES COVID-19 VARIAN UK B.1.1.7

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat pertambahan dua (2) kes COVID-19 varian UK B.1.1.7 telah dikesan di Malaysia. Ini menjadikan jumlah kes bagi varian UK B.1.1.7 adalah sebanyak lima (5) kes sehingga 15 April 2021.

Dua (2) kes terbaru iaitu kes keempat dan kelima adalah merupakan pengembara warganegara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara Poland pada bulan Mac 2021. Kedua-dua pengembara tersebut didapati positif pada 30 Mac 2021 dan telah diberikan rawatan selanjutnya.

Analisis filogenetik pula menunjukkan kes keempat yang dijangkiti dengan varian UK B.1.1.7 mempunyai persamaan ketara dengan varian dari negara Poland dan mempunyai kebarangkalian tinggi bahawa kes tersebut mendapat jangkitan ketika berada di negara tersebut. Walau bagaimanapun, punca jangkitan bagi kes kelima pula tidak dapat ditentukan kerana analisis menunjukkan perbezaan bagi varian yang menjangkiti kes tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua kes ini mendapat jangkitan melalui sumber yang berlainan.

Adalah diingatkan bahawa varian UK B.1.1.7 dan varian South African B.1.351 yang telah dikesan di Malaysia boleh menular dengan mudah dan cepat walaupun banyak kajian saintifik masih berjalan untuk mengkaji gejala dan kesan jangkitan varian-varian ini. Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengamalkan kebersihan sendiri dengan kerap membasuh tangan, memakai pelitup muka di tempat awam, dan menjaga penjarakan fizikal setiap masa. KKM melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Pusat Kesiapsagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan akan sentiasa memantau perkembangan mutasi di negara ini dan akan memaklumkan dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara,

dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 April 2021 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	459	121,817
SABAH	202	56,367
JOHOR	182	42,708
WP KUALA LUMPUR	171 (19)	39,419
SARAWAK	512	21,960
PULAU PINANG	134	17,993
NEGERI SEMBILAN	34	17,731
PERAK	51	13,935
KEDAH	26	8,971
KELANTAN	221	7,727
MELAKA	53	6,850
PAHANG	34	4,613
TERENGGANU	57	3,863
WP LABUAN	3	2,418
WP PUTRAJAYA	8	1,262
PERLIS	1	343
JUMLAH KESELURUHAN	2,148 (19)	367,977

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 2,148 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Sarawak: 512 kes**
 - 122 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 298 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 92 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 459 kes**
 - 97 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jaya Setia dan Kluster Perabot Olak Lempit**;
 - 264 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 98 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 221 kes**
 - 90 kes daripada kluster-kluster, termasuk 70 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Domis, Kluster Kampung Bechah Semak, Kluster Bunut Sarang Burung, Kluster Kampung Labok, dan Kluster Kok Lanas**;

- 97 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 202 kes**
 - 96 kes daripada kluster-kluster, termasuk 32 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Biah Skim, Kluster Jalan Labuk Tiga, Kluster Lorong Megah Jaya, dan Kluster Melangkap Tomis;**
 - 76 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19
- **Johor: 182 kes**
 - 129 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Cempaka Putih;**
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 29 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 171 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Radin;**

- 96 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 19 kes import dari luar negara; dan
 - 47 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 134 kes**
 - 65 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 46 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 57 kes** daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Rakyat**.
- **Melaka: 53 kes**
 - 46 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 51 kes**
 - 33 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 34 kes**

- 27 kes daripada kluster sedia ada;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 34 kes**

- 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 26 kes**

- 12 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Pokok Machang**;
- Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**

- Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tiga (3) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Perlis: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 10 kes kematian pada 15 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1354	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	63	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
1355	Selangor	Perempuan (WN)	97	Hospital Serdang	-
1356	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Sungai Buloh	Penyakit jantung dan gout
1357	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	74	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
1358	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan buah pinggang kronik
1359	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	62	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan, buah pinggang kronik
1360	Sarawak	Lelaki (WN)	62	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi dan tuberkulosis
1361	Johor	Perempuan (WN)	82	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit darah tinggi dan strok
1362	Sarawak	Lelaki (WN)	72	Hospital Miri	Penyakit darah tinggi
1363	Sabah	Perempuan (BWN)	54	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 15 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER KAMPUNG BUNUT SARANG BURUNG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tumpat, Kota Bharu, dan Tanah Merah di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-355684) dilaporkan positif COVID-19 pada 8 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Kampung Bunut Sarang Burung, Tumpat. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 121 individu telah disaring, di mana **50 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KAMPUNG DOMIS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Tumpat, dan Tanah Merah di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-362097) dilaporkan positif COVID-19 pada 12 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Kampung Domis, Tanah Merah. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 152 individu telah disaring, di mana **40 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER KAMPUNG LABOK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 April 2021 hasil saringan bersasar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Kampung Joh, Labok, Machang. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 96 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER KOK LANAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Bahru, Tanah Merah, dan Tumpat di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-362095) dilaporkan positif COVID-19 pada 12 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Kok Lanas, Kota Bahru. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 56 individu telah disaring, di mana **31 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JAYA SETIA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja

sebuah kilang yang terletak di Jalan Jaya Setia 26/3, *HICOM Industrial Estate*, Shah Alam. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 94 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. **KLUSTER PERABOT OLAK LEMPIT**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 11 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan 8, Banting. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 326 individu telah disaring, di mana **25 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. **KLUSTER LORONG MEGAH JAYA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sandakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-362769) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pusat perkhidmatan yang terletak di Bandar Tyng, Sandakan. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 38 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN LABUK TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sandakan dan Lahad Datu di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 354942) dilaporkan positif COVID-19 pada 8 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah institusi pendidikan yang terletak di Kilometer 18, Jalan Labuk, Sandakan. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 82 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN RADIN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah restoran yang terletak di Jalan Radin Bagus 3, Sri Petaling, Lembah Pantai. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER BIAH SKIM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Keningau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-364590) dilaporkan positif

COVID-19 pada 14 April 2021 hasil saringan masuk wad. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang berlangsung di Kampung Biah Skim, Keningau pada 29 Mac 2021. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER MELANGKAP TOMIS

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kota Belud dan Tuaran di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-353664) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang berlangsung pada 30 Mac 2021 di Kampung Melangkap Tomis, Kota Belud. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 188 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER KAMPUNG BECHAH SEMAK

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Pasir Mas dan Tanah Merah di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354422) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu Kampung Bechah Semak, Pasir Mas. Sehingga 15 April 2021,

sejumlah 111 individu telah disaring, di mana **36 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER JALAN CEMPAKA PUTIH

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kulai dan Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-356384) dilaporkan positif COVID-19 pada 9 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Cempaka Putih, Kampung Bahagia, Kulai. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 106 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER TAMAN RAKYAT

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Dungun di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354467) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan rentas negeri. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang diadakan di Taman Rakyat Jaya, Balai Besar, Dungun pada 1 April 2021. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 429 individu telah disaring, di mana **26 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER KAMPUNG POKOK MACHANG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Baling, Kuala Muda, dan Kulim di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 362032) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Illness* (SARI) yang dilaporkan positif COVID-19 pada 12 April 2021. Kluster ini melibatkan komuniti di Kampung Pokok Machang, Bukit Selambau, Sungai Petani. Sehingga 15 April 2021, sejumlah 35 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.